



5 Oktober 2017
5 October 2017
P.U. (A) 303

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) (PINDAAN) 2017

INSOLVENCY (COST) (AMENDMENT) RULES 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 123 Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (a) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi (Kos) (Pindaan) 2017**.

(b) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Insolvensi (Kos) 1969 [*P.U. (A) 200/1969*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Pegawai Pemegang Harta” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah Insolvensi”;

(b) dalam teks Bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “scale” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Schedule”; dan

(c) dalam teks bahasa kebangsaan—

(i) dengan menggantikan perkataan “belanja” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kos”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “bayaran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “fi”;

(iii) dengan menggantikan perkataan “siberhutang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “penghutang”;

- (iv) dengan menggantikan perkataan “sipiutang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pemiutang”; dan
- (v) dengan menggantikan perkataan “jadual” dalam di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jadual”.

Pindaan kaedah 1

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 1 dengan memotong subkaedah (b).

Pindaan kaedah 3

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 3 dengan menggantikan perkataan “mengikut jadual rendah dalam Jadual Kedua kepada Kaedah² Mahkamah Besar, 1957, dalam Negeri² Tanah Melayu atau kepada Kaedah² Mahkamah Besar di-Sabah atau di-Sarawak yang bersamaan, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*]”.

Pindaan kaedah 4

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 4 dengan menggantikan perkataan “Negeri² Tanah Melayu, menurut Bahagian 8 Ordinance Peguam dan Peguamchara, 1947, dan Jadual 3 dan 4 kapada-nya,” dengan perkataan “Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*]”.

Pindaan kaedah 8

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 8 dengan menggantikan perkataan ‘lebih kurang saiznya 13”X8” ’ dengan perkataan “lebih kurang 297mm. (11.69 inci) panjang, 210mm. (8.27 inci) lebar, mempunyai suatu birai, tidak kurang daripada 1 inci lebar yang dibiarkan kosong di kedua-dua belah kertas itu”.

Penggantian kepala dan butiran

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kepala dan butiran selepas kaedah 21 Jadual dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL

BIL KOS BAGI PEGUAM CARA PENGHUTANG		
<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Kos yang dibenarkan (RM)</i>
1.	<p>Arahan bagi petisyen penghutang, carian bagi petisyen sebelumnya, menyediakan dan mengaku saksi petisyen, menghadiri penyerahan dan pendengaran petisyen, menemui Ketua Pengarah Insolvensi dengan deposit, semasa memberikannya segala maklumat yang perlu selepas perintah kebankrapan dibuat dan semasa pemeriksaan awal penghutang, menyediakan bil kos, mendapatkan temu janji untuk penetapan kos, dan salinan notis mengenai dan kehadiran untuk penetapan kos (tidak termasuk fi mahkamah dan perbelanjaan lain sepatutnya yang dilakukan)</p> <p>Nota: Jika sesuatu petisyen terdahulu yang terlepas perhatian tiada kos atau caj selepas tarikh carian hendaklah dibenarkan dan apa-apa jumlah yang dibayar disebabkan petisyen terdahulu terlepas perhatian hendaklah dibayar semula kepada pemiutang atau kepada Ketua Pengarah Insolvensi, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dibuktikan bahawa carian yang teliti semunasabahnya tidak akan mendedahkan petisyen terdahulu itu</p>	120
2.	<p>Arahan mengenai dan penyediaan persetujuan kepada perintah kebankrapan atas petisyen pemiutang sekiranya suatu perintah kebankrapan dibuat dengan persetujuan dalam tempoh empat belas hari selepas penyampaian petisyen</p> <p>Jika aset telah diperaku oleh Ketua Pengarah Insolvensi mungkin akan melebihi RM10,000.00</p>	50 budi bicara
3.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi apabila perintah kebankrapan dibuat, dan memberikannya segala maklumat yang perlu	20
4.	<p>Surat, utusan, dsb.</p> <p>Caj di bawah butiran 2, 3 dan 4 tidak boleh dibenarkan dalam keadaan yang termasuk di bawah butiran 1</p>	8

<i>Kos peguam cara penghutang apabila memfailkan akaun ketidakmampuan untuk membayar</i>		
5.	Arahan untuk menyediakan dan mengaku saksi akaun ketidakmampuan untuk membayar, termasuk affidavit identiti penghutang (jika dikehendaki)	20
6.	Menghadiri pemfailan Caj di bawah butiran 5 dan 6 tidak boleh dibenarkan dalam keadaan yang termasuk di bawah butiran 1 atau sekiranya penghutang kemudiannya memfailkan petisyen penghutang Perbelanjaan bagi penyerahan hak tidak boleh dibenarkan jika suatu akaun ketidakmampuan untuk membayar akan menjawab bagi maksud itu	8
KOS BIL PEGUAM CARA PEMIUTANG MEMPETISYEN		
<i>Jika tindakan kebangkrapan ialah ketidakpatuhan kepada suatu notis kebangkrapan</i>		
7.	Arahan mengenai dan menyediakan notis dan menyediakan permintaan untuk dikeluarkan	20
8.	Menghadiri pemfailan	8
9.	Notis dan dua salinan bersih	8
10.	Menghadiri pemeteraian notis dan salinan	8
11.	Penyampaian notis	8
12.	Affidavit bagi Penyampaian notis (jika perlu) dan menghadiri angkat sumpah Jika penghutang mengemukakan tuntutan balas atau selainnya mempertikaikan kesahihan notis tersebut, segala caj yang perlu sebagai tambahan kepada yang tersebut di atas hendaklah dibenarkan bagi penelitian affidavit, affidavit balasan atau mendapatkan keterangan lisan, dan suatu fi pendengaran yang boleh ditambah menurut budi bicara	8
<i>Prosiding petisyen</i>		
13.	Arahan bagi petisyen	30
14.	Memeriksa butir-butir akaun pemiutang mempetisyen Jika perbuatan kebangkrapan ialah keingkaran yang dibuat terhadap notis kebangkrapan yang	8

	<p>dikeluarkan oleh peguam cara kepada pempetisyen, caj yang terkemudian tersebut ini tidak boleh dibenarkan</p> <p>Jika perbuatan kebankrapan berbangkit di bawah perenggan 3(1)(a), (b), (c), (d) atau (g) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], kehadiran khas (sekiranya perlu) untuk memeriksa saksi tentang fakta yang mereka boleh buktikan hendaklah dibenarkan, caj baginya dan bagi memanggil saksi, atau bagi afidavit, hendaklah menurut budi bicara dan bolehlah termasuk suatu fi pendengaran kepada peguam yang hadir untuk menyokong petisyen itu</p>	
15.	<p>Carian bagi petisyen yang terdahulu</p> <p>Nota: Jika sesuatu petisyen yang terdahulu telah terlepas perhatian tiada kos atau caj selepas tarikh carian hendaklah dibenarkan dan apa-apa jumlah yang dibayar disebabkan petisyen terdahulu yang terlepas perhatian hendaklah dibayar semula kepada pemiutang atau kepada Ketua Pengarah Insolvensi, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dibuktikan bahawa carian yang teliti semunasabahnya tidak akan mendedahkan petisyen terdahulu itu</p>	8
16.	Menyediakan petisyen kebankrapan	14
17.	Menulis - Jika petisyen melebihi 7 folio, setiap folio	1
18.	Mengaku saksi tandatangan setiap pemiutang mempetisyen, kecuali jika pempetisyen dalam perkongsian	8
19.	Jika pemiutang mempetisyen ialah sebuah syarikat atau perbadanan dengan meterai	20
20.	Menyediakan afidavit dan salinan bersih afidavit mengesahkan petisyen	6
21.	Menemui pempetisyen untuk diangkat sumpah	8
22.	Dua salinan petisyen untuk dimeterai, setiap folio	1
23.	Menyediakan sapina dan menyampaikannya kepada saksi, atau berurusan dengan saksi bagi kehadiran mereka semasa penyampaian petisyen apabila perlu	20
24.	Pembayaran bagi saksi (lihat kaedah 21)	

	Pemiutang mempetisyen tidak boleh diambil kira sebagai saksi; dia tidak boleh dibayar bagi kehilangan masa tetapi hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan perjalanannya	
25.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi dengan deposit	3
26.	Menghadiri pada penyampaian petisyen dan bagi penyiasatan pernyataan dalam petisyen oleh mahkamah	14
27.	Menyediakan perintah untuk pendengaran petisyen	6
28.	Penyampaian petisyen (lihat butiran 102)	
29.	Afidavit mengenai perbuatan kebankrapan, termasuk menyediakan dan menghadiri angkat sumpah	4
30.	Afidavit mengenai hutang pempetisyen, termasuk menyediakan dan menghadiri angkat sumpah	4
31.	Jika penghutang bersetuju kepada suatu perintah kebankrapan serta-merta, dan tidak menggunakan peguam caranya sendiri - menyediakan dan mengaku saksi persetujuan, termasuk afidavit identiti (apabila perlu)	36
32.	Menghadiri mahkamah apabila petisyen didengar Kehadiran lebih daripada sekali pada penyampaian atau pendengaran sesuatu petisyen kebankrapan tidak boleh dibenarkan melainkan jika diperintahkan dan diperakui oleh mahkamah pada masa itu	30
33.	Menyediakan perintah kebankrapan dan salinan dan menghadiri kelulusan	14
34.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi selepas perintah kebankrapan dibuat, dan memberi Ketua Pengarah Insolvensi semua maklumat yang perlu	20
35.	Menghadiri mahkamah jika penangguhan diperintahkan	20
36.	Arahan bagi pelantikan penerima interim	20
37.	Menyediakan dan salinan permohonan	4
38.	Arahan bagi afidavit sokongan yang perlu, setiap satu	8
39.	Menyediakan afidavit sokongan, setiap folio	2

40.	Salinan bersih, setiap folio	1
41.	Menemui deponen, setiap seorang	8
42.	Menghadiri pemfailan affidavit	8
43.	Menghadiri mahkamah apabila permohonan didengar	30
44.	Menyediakan perintah pendua dan menghadiri kelulusan	8
45.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi dengan perintah, membayar deposit, dan memberikan semua maklumat yang diperlukan	20
46.	Surat, utusan, dsb.	budi bicara
<i>Kos bagi penyampaian ganti jika penghutang menjauhkan diri untuk mengelakkan penyampaian</i>		
47.	Menyediakan dan membuat permohonan ke mahkamah bagi penyampaian ganti, termasuk kehadiran yang terdahulu untuk penyampaian yang tidak berkesan kerana penghutang telah menjauhkan diri dan tidak dapat disampaikan kepadanya secara ke diri (termasuk caj)	20
48.	Menyediakan affidavit tentang fakta, menunjukkan ikhtiar yang sewajarnya telah diambil untuk melaksanakan penyampaian secara ke diri, setiap folio	2
49.	Salinan bersih affidavit, setiap folio	1
50.	Menghadiri untuk mengangkat sumpah dan bagi memfailkan affidavit dan untuk memperolehi perintah untuk penyampaian ganti dan menyediakan perintah	20
<i>Jika penghutang mempertikaikan pernyataan di dalam petisyen</i>		
51.	Menemui pempetisyen jika penghutang telah melalui notis atau affidavit mempertikaikan pernyataan di dalam petisyen (Kehadiran khas untuk memeriksa saksi dan bagi memanggil saksi, dan fi “penyediaan”, jika perlu)	8 menurut budi bicara
52.	Menghadiri mahkamah apabila perintah kebangkrapan dibuat	10
<i>Jika penghutang dikehendaki oleh mahkamah untuk mengikat suatu bon</i>		
53.	Hadir bagi menjalankan penyiasatan tentang kecukupan penjamin	20

54.	Menyediakan pengecualian kepada penjamin	6
55.	Menyampaikannya jaminan kepada peguam cara penghutang	6
56.	Menghadiri mahkamah apabila penjamin dibenarkan atau tidak dibenarkan Kos affidavit untuk menentang terhadap peruntukan bon disebabkan ketidakcukupan penjamin hendaklah sama sebagaimana affidavit khas yang lain	20
KOS KHAS		
57.	Arahan bagi pelantikan seseorang pengurus khas	20
58.	Menyediakan dan salinan permohonan	8
59.	Arahan mengenai affidavit-afidavit sebagai menyokong, tidak melebihi tiga bilangannya, melainkan Pegawai Penetapan mempertimbangkan bahawa affidavit-afidavit lanjutan adalah perlu, setiap satu	8
60.	Menyediakan, setiap folio	2
61.	Salinan bersih, setiap folio	1
62.	Menemui deponen, setiap seorang	8
63.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi untuk menyerah simpan kertas, dan untuk mendapatkan temu janji untuk mendengar permohonan	8
64.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi apabila permohonan didengar Caj yang sepatutnya bagi kehadiran lanjutan mengenai pemiutang dan kerja-kerja lain yang perlu dilaksanakan oleh seseorang peguam cara berkaitan dengan pelantikan seseorang pengurus khas hendaklah dibenarkan, tetapi tiada kos boleh dibenarkan ke atas sesuatu permohonan yang tidak berjaya melainkan Ketua Pengarah Insolvensi memperakui bahawa kos permohonan tersebut hendaklah dibenarkan	20
65.	Kehadiran di pemeriksaan awam jika mahkamah fikirkan kehadiran itu perlu Kos yang berikut selepas perintah kebankrapan bolehlah dibenarkan atas suatu perakuan bertulis Ketua Pengarah Insolvensi bahawa kehadiran	30

	tersebut adalah perlu bagi kepentingan estet itu dan tidak boleh melebihi melainkan jika dibenarkan olehnya secara khas	
66.	Menghadiri Ketua Pengarah Insolvensi apabila pemeriksaan permulaan terhadap bankrap jika Ketua Pengarah Insolvensi memperakui bahawa kehadiran itu perlu bagi kepentingan pemiutang	50
67.	Kehadiran pada mesyuarat pertama pemiutang sekiranya Ketua Pengarah Insolvensi memperakui bahawa kehadiran itu perlu bagi kepentingan pemiutang Peguam cara pemiutang mempetisyen boleh dibenarkan segala caj yang sepatutnya pada kadar yang ditentukan dalam skala bagi semua kerja yang diperakui oleh Ketua Pengarah Insolvensi sebagai telah dilakukan dengan semestinya atau dengan berfaedahnya dibuat bagi kepentingan pemiutang secara amnya untuk perlindungan atau faedah estet antara penyampaian petisyen dan tarikh perintah kebangkrapan	20
68.	Dalam keadaan luar biasa Pegawai Penetapan boleh, atas suatu perakuan oleh Ketua Pengarah Insolvensi, membenarkan caj bagi apa-apa perkhidmatan sebelum penyampaian petisyen	
69.	Jika Ketua Pengarah Insolvensi menggunakan peguam cara pemiutang mempetisyen atau peguam cara penghutang atau peguam cara yang lain untuk mengambil apa-apa langkah bagi perlindungan atau faedah kepada estet itu atau dalam perkara lain yang tidak termasuk dalam skala di atas, kos itu hendaklah, dalam ketiadaan suatu perkiraan khas dengan Ketua Pengarah Insolvensi, tertakluk kepada penetapan di bawah "Pelbagai dan Am" butiran 96 dan seterusnya	
PENETAPAN KOS PEMPETISYEN		
70.	Menyediakan bil kos dan salinan, dan notis dan kehadiran pada penetapan— Atas petisyen penghutang Atas petisyen pemiutang (apabila kos tidak melebihi RM100.00) Dengan suatu elaun tambahan jika kos melebihi	20 20

	<p>RM100.00 atau 5% daripada amaun bil tetapi tidak melebihi RM50.00</p> <p>Tiada caj, kecuali caj yang termasuk di bawah butiran 1 hingga 69 boleh dibenarkan dalam keadaan petisyen penghutang atau petisyen pemiutang yang tidak ditentang melainkan jika dalam keadaan petisyen pemiutang yang ditentang itu Pegawai Penetapan mempertimbangkan bahawa disebabkan alasan-alasan khas butiran-butiran tambahan boleh dibenarkan</p> <p>Jika petisyen itu ditentang, kos boleh dibenarkan sebagai tambahan bagi perkara-perkara yang perlu yang tidak diperuntukkan di bawah butiran 1 hingga 69; elaun berkenaan hendaklah dibuat sesuai dengan skala tersebut dengan seberapa hampir yang boleh, dengan skala kos di Mahkamah Tinggi, menurut sifat prosiding</p>	
KOS PEGUAM CARA PENGHUTANG		
<i>Jika mahkamah membenarkan kos kepada penghutang apabila notis kebangkrapan diketepikan</i>		
71.	Arahan untuk memohon untuk mengetepikan notis kebangkrapan	8
72.	Meneliti dan mempertimbangkan notis kebangkrapan	8
73.	Arahan mengenai afidavit tuntutan balas	8
74.	Menyediakannya, setiap folio	2
75.	Salinan bersih, setiap folio	1
76.	Hadir untuk memfail, dan menyediakan permohonan bagi temu janji untuk mendengar dan notis	8
77.	Kos bagi afidavit lanjutan, atau mendapatkan keterangan lisan, dan bagi caj lain yang berdampingan yang sepatutnya ditanggung, termasuk, jika perlu, suatu fi penyediaan	budi bicara
<i>Menghadiri mahkamah mengenai permohonan</i>		
78.	Sekiranya permohonan didengar	30
79.	Sekiranya permohonan ditangguhkan	14
80.	Menyediakan perintah dan salinan, menghadiri untuk kelulusan	8

81.	Surat, utusan, dsb.	budi bicara
82.	Perbelanjaan peribadi penghutang bagi perjalanan dan kehilangan masa hendaklah dibenarkan menurut skala bagi saksi	
<i>Jika mahkamah membenarkan kos kepada penghutang atas penolakan petisyen</i>		
83.	Menemui penghutang yang telah disampaikan dengan salinan petisyen dan menerima arahan untuk menunjukkan sebab	8
84.	Menyediakan notis untuk menunjukkan sebab	8
85.	Dua salinan bersih bagi penyampaian	3
86.	Hadir memfail	8
87.	Penyampaian kepada pemiutang	3
88.	Penyampaian kepada peguam cara pemiutang	3
89.	Meneliti dan mempertimbangkan petisyen	8
90.	Kehadiran khas untuk memeriksa saksi dan bagi memanggil saksi dan fi penyediaan jika perlu	budi bicara
<i>Menghadiri mahkamah mengenai petisyen</i>		
91.	Sekiranya petisyen didengar	30
92.	Sekiranya petisyen ditangguhkan	14
93.	Menyediakan perintah dan salinan dan menghadiri untuk kelulusan	8
94.	Surat, utusan, dsb.	budi bicara
95.	Elaun penghutang sendiri bagi perjalanan dan kehilangan masa (mengikut skala bagi saksi)	
KOS PELBAGAI DAN AM		
<i>Kos bagi hari perbicaraan ditangguhkan jika tiada amaun tetap disebut dalam perintah</i>		
96.	Hadir di mahkamah	20
97.	Menyediakan perintah dan kelulusan	8
98.	Notis kepada saksi, setiap seorang	3
99.	Bayaran kepada saksi (berdasarkan kepada kaedah 21)	
<i>Waran</i>		
100.	Waran, waran penyitaan atau waran geledah	10

101.	Dan jika lebih daripada empat folio, bagi setiap satu folio yang lebih daripada empat	3
<i>Penyampaian</i>		
102.	Penyampaian petisyen, perintah, notis atau proses lain setiap penyampaian	6
103.	Jika jaraknya lebih daripada dua kilometer, bagi setiap satu kilometer tambahan	1
104.	Penyampaian melalui pos termasuk bayaran pos	3
105.	Penyampaian khas di bawah suatu perintah	budi bicara
<i>Arahan-arahan</i>		
106.	Mengenai pernyataan fakta, atau keadaan khas bagi pendapat mahkamah, Hakim atau Pendaftar	20
107.	Mengenai permohonan minta arahan	8
108.	Mengenai permohonan bagi penyampaian ganti	8
109.	Mengenai apa-apa prosiding atau permohonan yang selain tidak diperuntukkan selainnya	8
110.	Mengenai affidavit khas	8
111.	Mengenai cadangan bagi skim perkiraan atau persetujuan penyelesaian	8
112.	Mengenai kes bagi pendapat peguam	8
<i>Menyediakan dokumen</i>		
113.	Tauliah atau perintah bagi pemeriksaan saksi di luar Malaysia setiap folio	2
114.	Perintah lain jika perlu, setiap folio	2
115.	Cadangan bagi skim perkiraan atau persetujuan penyelesaian, setiap folio	2
116.	Permohonan bagi suatu temu janji di hadapan Hakim atau Pendaftar, dan salinan	8
117.	Penerangan dan kes bagi pendapat peguam, setiap folio	2
<i>Penelitian</i>		
118.	Saman dalam kamar oleh peguam cara kepada pihak yang telah disampaikan	8
119.	Atau, jika melebihi 20 folio, setiap folio	1
120.	Affidavit, deposisi dan eksibit oleh peguam cara kepada pihak yang terhadapnya sedemikian itu boleh dibicarakan, setiap folio	1
121.	Dokumen lain jika perlu, setiap folio	1

<i>Kehadiran</i>		
122.	Atas permohonan bagi arahan	20
123.	Di mahkamah atas permohonan bagi waran, waran penyitaan atau waran geledah	20
124.	Mengarahkan pegawai tentang pelaksanaan waran, waran penyitaan atau waran geledah	8
125.	Untuk memfailkan affidavit	8
126.	Kehadiran am, setiap satu	8
127.	Kehadiran yang lama masanya dan khas (atau lebih, menurut budi bicara Pegawai Penetapan)	20
128.	Pada mesyuarat pemiutang (selain mesyuarat pertama) atau di mesyuarat jawatankuasa perunding apabila dibenarkan dan perlu, setiap jam	40
<i>Surat, dsb.</i>		
129.	Menulis surat, setiap satu, biasa	4
130.	Menulis surat, setiap satu, khas (atau lebih mengikut budi bicara Pegawai Penetapan)	8
131.	Surat pekeliling, surat asal, sekiranya biasa	4
132.	Surat pekeliling, surat asal, sekiranya khas	8
133.	Bagi setiap salinannya, termasuk mengalamatkan dan mengeposkan atau menyerahkan, tidak melebihi 10	2
134.	Jika melebihi 10 bilangannya, surat hendaklah dicetak atau disalin dengan mesin bagi setiap salinan dialamatkan dan dihantar, sebagai tambahan kepada caj pencetak	1
FI BAGI BROKER DAN PELELONG		
Kesemua caj berikut hendaklah tertakluk kepada pengurangan melalui perjanjian dengan Ketua Pengarah Insolvensi atau untuk dinaikkan dengan sanksi jawatankuasa perunding, jika ada.		
<i>Elaun broker</i>		
Bagi penyenaian dan penilaian harta catel:		
	Atas RM3,000.00 yang pertama	1%
	RM3,001.00 hingga RM6,000.00	0.5%
	RM6,001.00 dan ke atas	0.25%
Sebagai tambahan, broker hendaklah berhak kepada perbelanjaan pengangkutan yang munasabah yang sebenarnya dibayar.		

<i>Caj pelelong</i>		
Bagi jualan secara kontrak persendirian berdasarkan kepada penilaian, separuh daripada caj yang diberikan di atas bagi inventori dan penilaian.		
Bagi jualan secara lelongan, termasuk kesemua perbelanjaan kecuali kos pengiklanan surat khabar, cetakan pekeliling, pengangkutan dan perbelanjaan lain sebagaimana Pendaftar fikirkan munasabah—		
Mengenai harta catel —		
	Atas RM3,000.00 yang pertama	4%
	RM3,001.00 hingga RM6,000.00	3%
	RM6,001.00 dan ke atas	2%
Mengenai estet, pegangan bebas, pegangan pajak, dsb. termasuk penilaian yang terdahulu bagi menentukan amaun rizab tawaran—		
	RM3,000.00 yang pertama	1%
	RM3,001.00 hingga RM10,000.00	0.5%
	RM10,001.00 dan ke atas	0.25%
Kos bagi kerja mengukur, keusangan dan penentuan hendaklah menurut budi bicara.		

".

Kecualian

3. Semua prosiding, tindakan atau apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk dibuat atau yang masih belum selesai sebaik sebelum mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini hendaklah tidak terkesan dengan Kaedah-Kaedah ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Kaedah-Kaedah ini tidak pernah dibuat.

Dibuat 3 Oktober 2017

[Mdl/156/008/AM/2/15; PN(PU2)180/III]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

INSOLVENCY ACT 1967

INSOLVENCY (COSTS) (AMENDMENT) RULES 2017

IN exercise of the powers conferred by section 123 of the Insolvency Act 1967 [Act 360], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (a) These rules may be cited as the **Insolvency (Costs) (Amendment) Rules 2017**.

(b) These Rules come into operation on 6 October 2017.

General amendment

2. The Insolvency (Cost) Rules 1969 [P.U. (A) 200/1969], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended—

(a) by substituting for the words “Official Assignee” wherever appearing the words “Director General of Insolvency”;

(b) in English text by substituting for the word “scale” wherever appearing the word “Schedule”; and

(c) in the national language text—

(i) by substituting for the word “belanja” wherever appearing the word “kos”;

(ii) by substituting for the word “bayaran” wherever appearing the word “fi”;

(iii) by substituting for the word “siberhutang” wherever appearing the word “penghutang”;

- (iv) by substituting for the word “sipiutang” wherever appearing the word “pemiutang”; and
- (v) by substituting for the word “jadual” wherever appearing the word “Jadual”.

Amendment of rule 1

3. The principal Rules are amended in rule 1 by deleting subrule *(b)*.

Amendment of rule 3

4. The principal Rules are amended in rule 3 by substituting for the words “on the lower scale in the Second Schedule to the Rules of the Supreme Court, 1957, in the State of Malaya or to the corresponding Rules of the Supreme Court in Sabah or Sarawak as the case may be” the words “in accordance with Rules of Court 2012 [*P.U. (A) 205/2012*]”.

Amendment of rule 4

5. The principal Rules are amended in rule 4 by substituting for the words “States of Malaya by Part VIII of the Advocates and Solicitors Ordinance, 1947, and Schedules III and IV thereto” the words “Legal Profession Act 1976 [*Act 166*]”.

Amendment of rule 8

6. The principal Rules are amended in rule 8 by substituting for the words ‘13”X8” ’ the words “approximately 297mm. (11.69 inches) long, by 210mm. (8.27 inches) wide, having a margin, not less than 1 inch wide to be left blank on either side of the paper”.

Substitution of heading and items

7. The principal Rules are amended by substituting the heading and items after rule 21 with the following Schedule:

"SCHEDULE

DEBTOR'S SOLICITOR'S BILL OF COSTS		
<i>No.</i>	<i>Items</i>	<i>Costs to be allowed (RM)</i>
1.	<p>Instructions for debtors' petition, search for prior petition, drawing and attesting petition, attending presentation and hearing of the petition, attending before Director General of Insolvency with deposit, on giving him all necessary information after bankruptcy order was made and upon preliminary examination of debtor, drawing bill of costs, obtaining appointment to taxation of cost, and copy notice of and attendance at taxation of cost (exclusive of court fees and other proper disbursements)</p> <p>Note: If a prior petition is overlooked no costs or charges subsequent to the date of search shall be allowed and any sums paid on account of the prior petition is overlooked shall be repaid to the creditor or to the Director General of Insolvency, as the case may be, unless it is proved that reasonably diligent search would not have disclosed the prior petition</p>	120
2.	<p>Instructions for and drawing consent to bankruptcy order on a creditor's petition if a bankruptcy order is made by consent within fourteen days after service of petition</p> <p>Where the assets are certified by the Director General of Insolvency to be likely to exceed RM10,000.00</p>	50 discretionary
3.	Attending Director General of Insolvency on bankruptcy order being made, and giving him all necessary information	20
4.	<p>Letters, messengers, etc.</p> <p>The charges under items 2, 3 and 4 shall not be allowed in cases falling under item 1</p>	8
<i>Debtor's solicitor's costs on filing a declaration of inability to pay</i>		
5.	Instructions for drawing and attesting declaration of inability to pay, including affidavit of identity of debtor (where requisite)	20

6.	<p>Attending filing</p> <p>The charges under items 5 and 6 shall not be allowed in cases falling under item 1 or if the debtor subsequently files debtor's petition</p> <p>The expenses of an assignment shall not be allowed where a declaration of inability would answer the purpose</p>	8
PETITIONING CREDITOR'S SOLICITOR'S BILL OF COSTS		
<i>Where the act of bankruptcy is non-compliance with a bankruptcy notice</i>		
7.	Instructions for and preparing notice and preparing request to issue	20
8.	Attending filing	8
9.	Notice and two fair copies	8
10.	Attending sealing notice and copies	8
11.	Service of notice	8
12.	<p>Affidavit of service of notice (where necessary) and attending swearing</p> <p>If the debtor sets up a counter-claim or otherwise disputes the validity of the notice, all necessary charges in addition to the foregoing shall be allowed for perusals of affidavits, affidavits in reply or procuring oral evidence, and a discretionary hearing fee may be added</p>	8
<i>Proceedings on petition</i>		
13.	Instructions for petition	30
14.	<p>Examining particulars of petitioning creditor's account</p> <p>If the act of bankruptcy is default made upon a bankruptcy notice issued by the solicitor to the petitioner this last charge shall not be allowed</p> <p>Where the act of bankruptcy arises under paragraph 3(1)(a), (b), (c), (d) or (g) of Insolvency Act 1967 [Act 360], special attendance (where necessary) to examine witnesses as to the facts they can prove shall be allowed, the charges for which and for summoning witnesses, or for affidavits, shall be discretionary and may include a hearing fee to the advocate attending to support the petition</p>	8

15.	Search for prior petition Note: If a prior petition is overlooked no costs or charges subsequent to the date of search shall be allowed and any sums paid on account of the prior petition is overlooked shall be repaid to the creditor or to the Director General of Insolvency, as the case may be, unless it is proved that reasonably diligent search would not have disclosed the prior petition	8
16.	Drawing bankruptcy petition	14
17.	Engrossing – Where the petition exceeds 7 folios, per folio	1
18.	Attesting signature of each petitioning creditor, except where petitioners are in partnership	8
19.	Where petitioning creditor is a company or corporation with seal	20
20.	Drawing and fair copy affidavit verifying petition	6
21.	Attending petitioner to be sworn	8
22.	Two copies of petition for sealing, per folio	1
23.	Preparing subpoena and serving witnesses, or arranging with witnesses for their attendance on presentation of petition when necessary	20
24.	Payment of witnesses (see rule 21) The petitioning creditor shall not be regarded as a witness; he shall not be paid for loss of time but shall be allowed his expenses of travelling	
25.	Attending Director General of Insolvency with deposit	3
26.	Attending on presentation of petition and investigation of the statements in the petition by the court	14
27.	Drawing order for hearing petition	6
28.	Service of petition (see item 102)	
29.	Affidavit as to act of bankruptcy, including drawing and attending swearing	4
30.	Affidavit of petitioner's debt, including drawing and attending swearing	4
31.	Where the debtor consents to an immediate bankruptcy order, and does not employ his own	36

	solicitor - drawing and attesting consent, including affidavit of identity (when requisite)	
32.	Attending court on hearing petition More than one attendance at the presentation or hearing of a bankruptcy petition shall not be allowed unless ordered and certified by the court at the time	30
33.	Drawing bankruptcy order and copy and attending passing	14
34.	Attending Director General of Insolvency after bankruptcy order made, and giving the Director General of Insolvency all necessary information	20
35.	Attending court where adjournment ordered	20
36.	Instructions for appointment of interim receiver	20
37.	Drawing and copy application	4
38.	Instructions for necessary affidavits in support, each	8
39.	Drawing same, per folio	2
40.	Fair copy, per folio	1
41.	Attending deponents, each	8
42.	Attending filing affidavits	8
43.	Attending court on hearing application	30
44.	Drawing order in duplicate and attending to pass	8
45.	Attending Director General of Insolvency with order, paying deposit, and giving all necessary information	20
46.	Letters, messengers, etc.	discretionary
<i>Costs for substituted service where the debtor keeps out of the way to avoid service</i>		
47.	Preparing and making application to the court for substituted service, including previous attendances to serve which have been without effect because the debtor was keeping out of the way and could not be personally served (inclusive charge)	20
48.	Drawing affidavit of facts, showing that due pains had been taken to effect personal service, per folio	2
49.	Fair copy of affidavit, per folio	1

50.	Attending to swear and file affidavit and to obtain order for substituted service and drawing up order	20
<i>Where the debtor disputes the statements in the petition</i>		
51.	Attending petitioner where the debtor has by notice or affidavit disputed the statements in the petition (Special attendances to examine witnesses and for summoning witnesses, and "getting up" fee where necessary)	8 discretionary
52.	Attending court when the bankruptcy order is made	10
<i>Where the debtor is required by the court to enter into a bond</i>		
53.	Attending to make enquiries as to sufficiency of sureties	20
54.	Drawing exceptions to sureties	6
55.	Service thereof on debtor's solicitor	6
56.	Attending court when sureties allowed or disallowed The costs of the affidavits in opposition to the allowance of the bond for insufficiency of sureties shall be the same as of other special affidavits	20
SPECIAL COSTS		
57.	Instructions for appointment of a special manager	20
58.	Drawing and copy application	8
59.	Instructions for affidavits in support, not exceeding three in number, unless the Taxing Officer considers that further affidavits were necessary, each	8
60.	Drawing same, per folio	2
61.	Fair copy, per folio	1
62.	Attendance on deponents, each	8
63.	Attending Director General of Insolvency to lodge papers, and to obtain appointment to hear application	8

64.	<p>Attending Director General of Insolvency on hearing application</p> <p>Proper charges for further attendances on creditors and other work necessarily done by a solicitor in connection with the appointment of a special manager shall be allowed, but no costs shall be allowed on an unsuccessful application unless the Director General of Insolvency shall certify that the costs of the application should be allowed</p>	20
65.	<p>Attendance at public examination where the court thinks such attendance necessary</p> <p>The following costs subsequent to bankruptcy order may also be allowed upon a certificate in writing of the Director General of Insolvency that the attendance was necessary in the interest of the estate and shall not be exceeded unless specially authorised by him</p>	30
66.	<p>Attending Director General of Insolvency upon preliminary examination of bankrupt if the Director General of Insolvency shall certify that the attendance was necessary in the interests of the creditors</p>	50
67.	<p>Attendance at first meeting of creditors if the Director General of Insolvency shall certify that the attendance was necessary in the interests of the creditors</p> <p>The petitioning creditor's solicitor may be allowed all proper charges at the rate specified in the scale for all work certified by the Director General of Insolvency to have been necessarily or usefully done in the interests of the creditors generally for the protection or benefit of the estate between the presentation of the petition and the date of the bankruptcy order</p>	20
68.	<p>In exceptional cases the Taxing Officer may, upon a certificate by the Director General of Insolvency allow charges for such services prior to the presentation of the petition</p>	
69.	<p>Where the Director General of Insolvency employs the petitioning creditor's solicitors or the debtor's or other solicitors to take any steps for the protection or benefit of the estate or in</p>	

	other matters not included in the foregoing scale, the costs shall, in the absence of any special arrangement with the Director General of Insolvency, be subject to taxation under "Miscellaneous and General" item 96 and the following	
TAXATION OF PETITIONER'S COSTS		
70.	<p>Drawing bill of costs and copy, and notice of and attendance at taxation—</p> <p>On debtor's petition</p> <p>On creditor's petition (when costs do not exceed RM100.00)</p> <p>With an additional allowance where costs exceed RM100.00 or 5% on the amount of the bill but not exceeding RM50.00</p> <p>No charges, except those included under the items 1 to 69 shall be allowed in the case of a debtor's petition or unopposed creditor's petition unless in the latter case the Taxing Officer considers that for special reasons additional items may be allowed</p> <p>Where the petition is opposed, costs may be allowed in addition for necessary matters not provided for under items 1 to 69; such allowances shall be made in conformity with that scale as nearly as may be, or with the scales of costs in the High Court, according to the nature of the proceeding</p>	<p>20</p> <p>20</p>
DEBTOR'S SOLICITOR'S COSTS		
<i>Where the court allows costs to the debtor on a bankruptcy notice being set aside</i>		
71.	Instructions to apply to set aside bankruptcy notice	8
72.	Perusing and considering bankruptcy notice	8
73.	Instructions for affidavit of counter claim	8
74.	Drawing same, per folio	2
75.	Fair copy, per folio	1
76.	Attending to file, and drawing application for appointment to hear and notice	8

77.	Costs of further affidavits, or of procuring oral evidence, and of other incidental charges properly incurred, including, where necessary, a getting up fee	discretionary
<i>Attending court on application</i>		
78.	If application is heard	30
79.	If application is adjourned	14
80.	Drawing order and copy, attending to pass	8
81.	Letters, messengers, etc.	discretionary
82.	The debtor's personal expenses for travelling and loss of time shall be allowed according to the scale for witnesses	
<i>Where the court allows costs to the debtor on dismissal of petition</i>		
83.	Attending debtor served with copy of petition and taking instructions to show cause	8
84.	Drawing notice to show cause	8
85.	Two fair copies for service	3
86.	Attending filing	8
87.	Service on creditor	3
88.	Service on creditor's solicitor	3
89.	Perusing and considering petition	8
90.	Special attendances to examine witnesses and for summoning witnesses and getting up fee where necessary	discretionary
<i>Attending court on petition</i>		
91.	If petition is heard	30
92.	If petition is adjourned	14
93.	Drawing order and copy and attending to pass	8
94.	Letters, messengers, etc.	discretionary
95.	The debtor's personal allowances for travelling and loss of time (according to the scale for witnesses)	
MISCELLANEOUS AND GENERAL COSTS		
<i>Costs of the day on adjournment where no fixed amount is named in the order</i>		
96.	Attendance in court	20

97.	Drawing order and passing	8
98.	Notice to witnesses, each	3
99.	Payment to witnesses (according to rule 21)	
<i>Warrant</i>		
100.	Warrant, warrant of seizure or search warrant	10
101.	And if more than four folios, for each folio beyond four	3
<i>Service</i>		
102.	Service of petition, order, notice, or other process each service	6
103.	If the distance be more than two kilometers, for each additional kilometer	1
104.	Service by post including postage	3
105.	Special service under an order	discretionary
<i>Instructions</i>		
106.	For statement of facts, or special case for the opinion of the court, Judge, or Registrar	20
107.	For application for directions	8
108.	For application for substituted service	8
109.	For any proceeding or application not otherwise provided for	8
110.	For special affidavits	8
111.	For proposal for scheme of arrangement or composition	8
112.	For case for opinion of counsel	8
<i>Drawing documents</i>		
113.	Commission or order for examination of witness out of Malaysia per folio	2
114.	Other orders where necessary, per folio	2
115.	Proposal for scheme of arrangement or composition, per folio	2
116.	Application for an appointment before a Judge or Registrar, and copy	8
117.	Brief and cases for opinion of counsel, per folio	2
<i>Perusals</i>		
118.	Of summon in chambers by the solicitor of the party on whom the same is served	8

119.	Or, if exceeding 20 folios, per folio	1
120.	Of affidavits, depositions, and exhibits by the solicitor of the party against whom the same can be read, per folio	1
121.	Of other documents where necessary, per folio	1
<i>Attendances</i>		
122.	On application for directions	20
123.	At court on application for warrant, warrant of seizure or search warrant	20
124.	Instructing officer as to execution of warrant, warrant of seizure, or search warrant	8
125.	To file affidavits	8
126.	General attendances, each	8
127.	Long and special attendances (or more, in the discretion of the Taxing Officer)	20
128.	At meetings of creditors (other than first meetings) or of consultative committees when authorised and necessary, per hour	40
<i>Letters, etc.</i>		
129.	Writing letters, each, common	4
130.	Writing letters, each, special (or more at the discretion of the Taxing Officer)	8
131.	Circular letters, original letter, if common	4
132.	Circular letters, original letter, if special	8
133.	For each copy thereof, including addressing and postage or delivery, not exceeding 10	2
134.	If above 10 in number, letter shall be printed or mechanically copied - for each copy addressed and dispatched, in addition to printer's charges	1
FEES OF BROKERS AND AUCTIONEERS		
All the following charges shall be subject to reduction by agreement with the Director General of Insolvency or to increase with the sanction of the consultative committee, if any.		
<i>Broker's allowances</i>		
For inventory and valuation of chattel property:		
	On the first RM3,000.00	1%
	RM3,001.00 up to RM6,000.00	0.5%

	RM6,001.00 and above	0.25%
In addition, the broker shall be entitled to reasonable transport expenses actually paid.		
<i>Auctioneer's charges</i>		
For sales by private contract based on the valuation, half the charges provided above for inventory and valuation.		
For sales by auction, including all expenses except costs of newspaper advertisement, printing circulars, transport and such other expenses as the Registrar may think reasonable—		
Of chattel property—		
	On the first RM3,000 .00	4%
	RM3,001.00 and up to RM6,000 .00	3%
	RM6,001.00 and above	2%
Of estates, freehold, leasehold, etc. including prior valuations, for determining amount of reserve bids—		
	On the first RM3,000 .00	1%
	RM3,001.00 up to RM10,000 .00	0.5%
	RM10,001.00 and above	0.25%
Costs of surveys, dilapidations and specifications shall be discretionary.		

”.

Savings

3. All proceedings, actions or other matters required to be done or which are still pending immediately before coming into operation of these Rules shall not be affected by these Rules and shall continue as if these Rules had not been enacted.

Made 3 October 2017

[Mdl/156/008/AM/2/15; PN(PU2)180/III]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
Minister at the Prime Minister's Department